



Panduan
PENGURUSAN
& KEWANGAN
& AKAUN

PINJAMAN
KENDERAAN



Prakata

Pengarah

Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan

Jabatan Perkhidmatan Awam.

Assalamualaikum wbr dan salam sejahtera.

Saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan (BKP), Jabatan Perkhidmatan Awam dapat menerbitkan Buku Panduan Pengurusan Kewangan dan Akaun.

Buku Panduan ini diterbitkan diantaranya untuk menjelaskan kepada semua pegawai JPA tentang tatacara pengendalian dan peraturan yang perlu dipatuhi dalam Pengurusan Kewangan dan Akaun. Justeru, buku panduan ini diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai JPA serta memastikan semua urusan kewangan dan akaun dilakukan dengan tepat, cekap, teratur serta berkualiti sejajar dengan slogan JPA "Kepuasan Pelanggan Keutamaan Kami".



(MOHD YASIN BIN MOHD SALLEH)

Kandungan

MUKA SURAT

1. TUJUAN	1
2. LATAR BELAKANG	1
3. PROSEDUR PEMROSESAN	3
4. TINDAKAN / PROSES KERJA	5
4.1 PINJAMAN KENDERAAN	5
4.2 PEMBIAYAAN KENDERAAN DENGAN PERJANJIAN AL – BAI' BITHAMAN AJIL	8
5. PENUTUP	11
6. INDEKS	12

PERMOHONAN PINJAMAN / PEMBIAYAAN KENDERAAN

1. TUJUAN

Buku Panduan Permohonan Pinjaman / Pembiayaan Kenderaan disediakan untuk rujukan pegawai.

2. LATAR BELAKANG

Permohonan yang dikemukakan oleh pegawai adalah tertakluk kepada peraturan dan pekeliling yang berkuatkuasa seperti berikut:

BIL	RUJUKAN	TAJUK
A	Pekeliling Perbendaharaan	
i	Bil. 7 Tahun 1993	Peraturan-peraturan Dan Syarat-syarat Mengenai Pinjaman Kenderaan Bagi Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan (Kecuali Perkhidmatan Tentera Dan Polis)
ii	Bil. 8 Tahun 1993	Skim Pembiayaan Kenderaan Mengikut Prinsip Al-Bai' Bithaman 'Ajil Bagi Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan (Kecuali Perkhidmatan Tentera Dan Polis)
iii	Bil. 3 Tahun 2004	Skim Pinjaman Kenderaan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Anggota Tentera Malaysia Dan Pasukan Polis Diraja Malaysia.

BIL	RUJUKAN	TAJUK
B	<p>Surat Pekeliling Perbendaharaan</p>	
i	<p>Bil. 7 Tahun 1996</p>	<p>Penyesuaian Had Kelayakan Pinjaman Kenderaan Bagi Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan Dan Perkhidmatan Polis.</p>
ii	<p>Bil. 9 Tahun 2000</p>	<p>Pindaan Had Kelayakan Pinjaman Membeli Kereta Bagi Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan Dan Perkhidmatan Polis.</p>
iii	<p>Bil. 5 Tahun 2001</p>	<p>Membenarkan Anggota-anggota Perkhidmatan Awam Mendapatkan Pembiayaan Pinjaman Kenderaan Setiap 5 Tahun.</p>
C	<p>Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1984</p>	<p>Peraturan Meluluskan Elaun Perjalanan Kelas C Bagi Pegawai Yang Bergaji Kurang Daripada RM820.00 (Sekarang RM1,193.54) – Pindaan Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002.</p>
D	<p>Surat Jabatan Perkhidmatan Awam Bil.JPA(S) 173/11/9 Klt. 19(52) bertarikh 23 Ogos 1995</p>	<p>Pengecualian Syarat Pembiayaan Kenderaan Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1993 dan Bil. 8 Tahun 1993 Bagi Pegawai Tadbir dan Diplomatik Sementara.</p>

3. PROSEDUR PEMROSESAN TUNTUTAN

- a. Pegawai-pegawai hendaklah mengemukakan tuntutan berdasarkan borang seperti berikut :
- i. Borang Permohonan Pinjaman Kenderaan **LAMPIRAN A**
(Kew. 294-Pin 2/94)
 - ii. Borang Perjanjian Pinjaman Kenderaan **LAMPIRAN B**
(Kew.295-Pin 1/93)
 - iii. Borang Permohonan Pembiayaan Kenderaan **LAMPIRAN C**
(Kew.294A-Pin 1/93)
 - iv. Borang Perjanjian Al-Bai' Bithaman 'Ajil untuk skim pembiayaan kenderaan **LAMPIRAN D**
(Kew. 295A-Pin 1/93)
- b. Senarai semak yang digunakan untuk proses permohonan pinjaman / pembiayaan kenderaan adalah seperti di **LAMPIRAN E.**
- c. Pemprosesan pinjaman pegawai berasaskan Senarai Tindakan / Proses Kerja di Para 4 seperti berikut:
- i. Permohonan pinjaman kenderaan **PARA 4.1**
 - ii. Permohonan pembiayaan kenderaan **PARA 4.2**
dengan perjanjian Al-Bai' Bithaman 'Ajil
- d. Pemprosesan permohonan diasaskan kepada notis pergerakan dokumen e-SPKB bertujuan bagi memastikan pemprosesan bayaran memenuhi piagam pelanggan yang ditetapkan seperti di **LAMPIRAN F.**

- e. Pinjaman / pembiayaan kenderaan akan dibayar oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui cek berpaling.

- f. JPA telah menetapkan dibawah Piagam Pelanggan supaya memproses permohonan pinjaman kenderaan, komputer dan perumahan dalam masa 4 hari dari tarikh permohonan di terima.

- g. Laporan Pemantauan perlu disediakan untuk mengesan tempoh pemprosesan baucar bayaran mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan JPA seperti di **LAMPIRAN G**.

- h. Carta Aliran bagi pemprosesan permohonan pinjaman / pembiayaan kenderaan adalah seperti di **LAMPIRAN H**.

4. TINDAKAN / PROSES KERJA

4.1 PINJAMAN KENDERAAN

TINDAKAN SEKSYEN PENTADBIRAN	TINDAKAN KEWANGAN	DOKUMEN SOKONGAN	ARAHAN/RUJUKAN
<ol style="list-style-type: none">1. Terima borang permohonan daripada pegawai seperti di LAMPIRAN A dan B.2. Semak borang permohonan dan dokumen sokongan berdasarkan senarai semak seperti di LAMPIRAN E.3. Permohonan yang lengkap dimasukkan dalam sampul kecil dan dikemukakan kepada Ketua Seksyen Pentadbiran untuk kelulusan.4. Permohonan yang telah diluluskan untuk dimasukkan kedalam sampul kecil untuk dikemukakan ke Seksyen Kewangan.	<ol style="list-style-type: none">1. Terima permohonan dan dokumen sokongan dalam sampul kecil dari Seksyen Pentadbiran.2. Semak berdasarkan senarai semak di LAMPIRAN E.3. Sediakan Surat Pembiayaan / Pinjaman Kenderaan dan Borang BSN (BPK 01) :<ul style="list-style-type: none">- Surat Pembiayaan Kenderaan (4 salinan)- Borang Kenderaan BSN (BPK 01) (4 salinan)- Borang Permohonan (5 salinan)4. Kod Amanah di bawah peruntukan 531015. Hantar kepada ketua Jabatan untuk tandatangan.	<p>Rujuk LAMPIRAN E di bawah Para 3.</p>	<ol style="list-style-type: none">1. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 19932. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 20043. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 19964. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 20005. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2001

4.1 PINJAMAN KENDERAAN

TINDAKAN SEKSYEN PENTADBIRAN	TINDAKAN KEWANGAN	DOKUMEN SOKONGAN	ARAHAN/RUJUKAN
	<p>6. Hantar Ke Jabatan Perdana Menteri (JPM) :</p> <ul style="list-style-type: none">- Surat Pembiayaan Kenderaan (2 salinan)- Borang BSN (BPK 01) (2 salinan)- Borang Permohonan (2 salinan) <p>7. Simpan dalam <i>folder</i> Pinjaman Kenderaan :</p> <ul style="list-style-type: none">- Surat Pembiayaan Kenderaan (1 salinan)- Borang BSN (BPK 01) (1 salinan)- Borang Permohonan (1 salinan) <p>8. Simpan dalam sampul kecil permohonan pegawai :</p> <ul style="list-style-type: none">- Surat Pembiayaan Kenderaan (1 salinan)- Borang BSN (BPK 01) (1 salinan)- Borang Permohonan (1 salinan)		

4.1 PINJAMAN KENDERAAN

TINDAKAN SEKSYEN PENTADBIRAN	TINDAKAN KEWANGAN	DOKUMEN SOKONGAN	ARAHAN/RUJUKAN
	<ol style="list-style-type: none">9. Terima cek dari Jabatan Perdana Menteri (JPM).10. Rekod Dalam Buku Daftar Pinjaman Kenderaan dan kemaskini SISPEN.11. Buat memo dan serah cek kepada pegawai.12. Simpan satu salinan memo berserta salinan cek dalam sampul kecil pegawai.13. Serah sampul kecil pada Seksyen Pentadbiran.14. Rekod dalam Pemantauan Bulanan.15. Simpan dalam <i>folder</i> Pinjaman Kenderaan.16. Susun dokumen dalam kotak penyimpanan.		

4.2 PEMBIAYAAN KENDERAAN DENGAN PERJANJIAN AL-BAI' BITHAMAN 'AJIL

TINDAKAN SEKSYEN PENTADBIRAN	TINDAKAN KEWANGAN	DOKUMEN SOKONGAN	ARAHAN/RUJUKAN
<ol style="list-style-type: none"> 1. Terima borang permohonan daripada pegawai seperti di LAMPIRAN C dan D. 2. Semak borang permohonan dan dokumen sokongan berdasarkan senarai semak seperti di LAMPIRAN E. 3. Permohonan yang lengkap dimasukkan dalam sampul kecil dan dikemukakan kepada Ketua Seksyen Pentadbiran untuk kelulusan. 4. Permohonan yang telah diluluskan dimasukkan kedalam sampul kecil untuk dikemukakan ke Seksyen Kewangan. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Terima permohonan dan dan dokumen sokongan dalam sampul dari Seksyen Pentadbiran. 2. Semak berdasarkan senarai semak di LAMPIRAN E. 3. Sediakan Surat Pembiayaan / Pinjaman Kenderaan dan Borang BSN (BPK 01) : <ul style="list-style-type: none"> - Surat Pembiayaan Kenderaan (4 salinan) - Borang Kenderaan BSN(BPK01) (4 salinan) - Borang Permohonan (5 salinan) 4. Kod Amanah di bawah peruntukan 54501. 5. Hantar kepada Ketua Jabatan untuk tandatangan. 	<p>Rujuk di LAMPIRAN E dibawah Para 3.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1993 2. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2004 3. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1996 4. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2000 5. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2001

4.2 PINJAMAN KENDERAAN DENGAN PERJANJIAN AL – BAI' BITHAMAN 'AJIL

TINDAKAN SEKSYEN PENTADBIRAN	TINDAKAN KEWANGAN	DOKUMEN SOKONGAN	ARAHAN/RUJUKAN
	<p>6. Hantar Ke Jabatan Perdana Menteri (JPM) :</p> <ul style="list-style-type: none">- Surat Pembiayaan Kenderaan (2 salinan)- Borang BSN (BPK 01) (2 salinan)- Borang Permohonan (2 salinan) <p>7. Simpan dalam <i>folder</i> Pinjaman Kenderaan :</p> <ul style="list-style-type: none">- Surat Pembiayaan Kenderaan (1 salinan)- Borang BSN (BPK 01) (1 salinan)- Borang Permohonan (1 salinan) <p>8. Simpan dalam sampul kecil permohonan pegawai :</p> <ul style="list-style-type: none">- Surat Pembiayaan Kenderaan (1 salinan)- Borang BSN (BPK 01) (1 salinan)- Borang Permohonan (1 salinan)		

4.2 PINJAMAN KENDERAAN DENGAN PERJANJIAN AL – BAI' BITHAMAN 'AJIL

TINDAKAN SEKSYEN PENTADBIRAN	TINDAKAN KEWANGAN	DOKUMEN SOKONGAN	ARAHAN/RUJUKAN
	<ol style="list-style-type: none">9. Terima cek dari Jabatan Perdana Menteri (JPM).10. Rekod Dalam Buku Daftar Pinjaman Kenderaan dan kemaskini SISPEN.11. Buat memo dan serah cek kepada pegawai.12. Simpan satu salinan memo beserta salinan cek dalam sampul kecil pegawai.13. Serah sampul kecil pada Seksyen Pentadbiran.14. Rekod dalam Pemantauan Bulanan.15. Simpan dalam <i>folder</i> Pinjaman Kenderaan.16. Susun dokumen dalam kotak penyimpanan.		

5. PENUTUP

Buku Panduan Permohonan Pinjaman / Pembiayaan Kenderaan diharap memberi manfaat kepada semua pegawai untuk memastikan permohonan dan dokumen sokongan yang disertakan adalah lengkap. Ini membolehkan urusan pemprosesan dibuat dengan cepat dan teratur.

INDEKS

BIL	LAMPIRAN	TAJUK
1.	LAMPIRAN A	Borang Permohonan Pinjaman kenderaan
2.	LAMPIRAN B	Borang Perjanjian Pinjaman kenderaan
3.	LAMPIRAN C	Borang Permohonan Pembiayaan Kenderaan
4.	LAMPIRAN D	Borang Perjanjian Al-Bai' Bithaman 'Ajl untuk Skim Pembiayaan Kenderaan
5.	LAMPIRAN E	Senarai Semak
6.	LAMPIRAN F	Notis Pergerakan Dokumen e-SPKB
7.	LAMPIRAN G	Laporan Pemantauan
8.	LAMPIRAN H	Carta Aliran

**BORANG PERMOHONAN
PINJAMAN KENDERAAN**



KERAJAAN MALAYSIA

**PERMOHONAN PINJAMAN UNTUK MEMBELI
KERETA/MOTOSIKAL/MOTOBOT/ENJIN MOTOBOT/BOT/BASIKAL
BAGI PEGAWAI KERAJAAN**

(Diisi sebanyak 5 salinan)

BAHAGIAN I: (Diisi oleh Pemohon)

1. Nama Penuh (Huruf Besar).....
2. Nombor Kad Pengenalan.....
3. (i) Tarikh Lahir..... (ii) Umur pada Tarikh Memohon.....
4. (i) Nama Perjawatan yang Disandang.....
(ii) Gred Perjawatan.....
(iii) Taraf Pegawai (sama ada dalam percubaan/tetap/kontrak).....
(iv) Sekim Perkhidmatan.....
5. (i) Kementerian.....
(ii) Jabatan.....
(iii) Alamat Penuh Tempat Bertugas.....
6. (i) Tarikh Perlantikan..... (ii) Tarikh Pengesahan dalam Perkhidmatan.....
7. (i) Gaji Bulanan RM..... (ii) Elaun Memangku (jika ada).....
(iii) Adakah memangku untuk kenaikan pangkat.....
8. Butir-butir kenderaan yang hendak dibeli:
(i) Jenis: Model dan buatan.....
(ii) Sukatan Silinder/No. Chasis/No. Enjin.....
(iii) Harga Bersih (seperti ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7/1993).....
.....
(iv) Baru atau sudah pakai (second-hand).....
(Jika sudah pakai kembalikan Sijil Nilai)
9. Kelayakan pinjaman maksimum RM.....
10. Banyak pinjaman yang diminta RM.....(Ringgit.....
.....)
11. Tempoh Pembayaran Balik.....Bulan.
12. Tugas jawatan yang menunjukkan mengapa mustahaknya menggunakan kenderaan persendirian
.....
13. Jika pernah diberi pinjaman 6 tahun sebelum daripada ini, nyatakan:
(i) Tarikh pinjaman terakhir diberi..... (ii) Jumlah pinjaman RM.....
(iii) Nombor akaun pinjaman itu.....
(iv) Tarikh ansuran terakhir dibayar dan banyaknya.....
.....

14. Sebab-sebab mengapa pinjaman baru dikehendaki.....

 15. Jenis kenderaan yang digunakan sekarang semasa menjalankan tugas rasmi.....

 16. Butir-butir baki hutang lain dengan Kerajaan, jika ada, bagi pihak diri sendiri.....

Tarikh.....

 (Tandatangan Pemohon)

BAHAGIAN II: (Diisi oleh Penjamin hanya jika pemohon BELUM disahkan dalam jawatan ATAU pemohon ialah pegawai kontrak).

PENJAMIN NO. 1

PENJAMIN NO. 2

.....
 (Nama)
 (Nama)

Nombor Kad Pengenalan..... Nombor Kad Pengenalan.....

Tarikh Lahir..... Tarikh Lahir.....

Kementerian..... Kementerian.....

Jabatan..... Jabatan.....

Alamat Penuh Tempat Kerja..... Alamat Penuh Tempat Kerja.....

Jawatan..... Jawatan.....

Tarikh Disahkan dalam jawatan..... Tarikh Disahkan dalam jawatan.....

Gaji Bersih Bulanan..... Gaji Bersih Bulanan.....

Butir-butir baki hutang kepada Kerajaan jika ada
 bagi pihak diri sendiri Butir-butir baki hutang kepada Kerajaan jika
 ada bagi pihak diri sendiri

.....
 (Tarikh)
 (Tandatangan)
 (Tarikh)
 (Tandatangan)

BAHAGIAN III: (Diisi oleh Pegawai yang bertanggungjawab).

Kepada..... Rujukan.....
.....

Dikemukakan:

Disahkan bahawa butir-butir yang diberikan oleh pemohon telah diselidiki dan didapati benar.

- * (i) Saya berpuashati bahawa pembayaran balik pinjaman ini tidak akan menyebabkan kesusahan kewangan kepada pemohon.
 - * (ii) Saya menyokong penuh bahawa sebuah kereta/motosikal/enjin motobot/bot/basikal adalah sangat perlu untuk pegawai ini menjalankan tugas-tugasnya setiap hari dengan sempurna.
 - * (iii) Saya tidak berpuashati terhadap kedudukan kewangan pemohon di mana pembayaran balik akan menyebabkan kesusahan kewangan kepada pemohon.
 - * (iv) Saya berpendapat pemohon tidak perlu kereta/motosikal/motobot/enjin motobot/bot/basikal untuk tugas rasmi dan sebaliknya mengesyorkan sebuah kereta/motosikal/motobot/enjin motobot/bot/basikal.
- * Potong yang mana tidak berkaitan.

Tarikh.....
.....
(Tandatangan Pegawai Yang Bertanggungjawab)

Nama Penuh.....

Jawatan.....

BAHAGIAN IV: (Diisi oleh Pegawai yang meluluskan pinjaman).

Kepada..... Rujukan.....
.....

- (a) *Pinjaman sebanyak RM.....diluluskan dengan dikenakan bayaran perkhidmatan yang dikira atas baki bulanan selama.....bulan. Kelulusan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Arahan dan Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.
- (b) *Pinjaman tidak diluluskan.

Tarikh.....
.....
(Tandatangan Pegawai Yang Meluluskan)

Nama Penuh.....

Jawatan.....

BAHAGIAN V: (Diisi oleh Ketua Jabatan selepas pinjaman diluluskan).

Cek Bayaran Pinjaman diterima oleh pemohon pada.....

- (i) Nombor dan tarikh resit pembelian.....
- (ii) Kenderaan yang dibeli diperiksa pada.....
- (iii) Nombor daftar kenderaan/No. chasis/No. enjin.....

- (iv) Tarikh buku pendaftaran dicatatkan “Hak Milik Dituntut oleh Kerajaan” oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.....
- (v) Polisi insuran Komprehensif (untuk tahun pertama sahaja)
- (a) Bagi Tempoh.....
hingga.....
- (b) Nombor Polisi.....
- (c) Jumlah Harga Perlindungan.....
- (d) Nama Syarikat Insurans.....

1. Disahkan butir-butir di atas telah diterima sebelum 30 hari selepas cek bayaran diterima oleh peminjam, disemak dan didapati benar.
2. Salinan-salinan photostat resit, salinan buku pendaftaran dan salinan photostat sijil insurans adalah disimpan dalam fail peribadi peminjam.

Tarikh.....

.....
(Tandatangan Ketua Jabatan)

Nama Penuh.....

Jawatan.....

**BORANG PERJANJIAN
PINJAMAN KENDERAAN**

**PERJANJIAN PINJAMAN UNTUK MEMBELI
KERETA/MOTOSIKAL/ENJIN MOTOBOT/MOTOBOT/BOT/BASIKAL
BAGI PEGAWAI KERAJAAN**

(Diisi sebanyak 5 salinan)

PERJANJIAN dibuat pada..... haribulan..... tahun Seribu Sembilan Ratus.....
di antara.....No. Kad Pengenalan.....
(kemudian daripada ini disebut "Peminjam" sebagai Pihak Pertama dengan Kerajaan Malaysia (kemudian
daripada sini disebut "Kerajaan") sebagai Pihak Kedua.

BAHAWASANYA, menurut Arahan dan Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa, pinjaman untuk membeli terus sebuah kereta/motosikal/enjin motobot/motobot/bot/basikal adalah diberi kepada Pihak Pertama mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Arahan dan Pekeliling itu.

OLEH YANG DEMIKIAN adalah dipersetujui seperti berikut:

1. Seperti yang dipohon oleh Peminjam, Kerajaan bersetuju meluluskan kepada Peminjam, pinjaman sebanyak RM..... untuk dibayar balik kesemua wang yang dipinjam di dalam tempoh.....bulan. Pinjaman ini adalah untuk membeli sebuah kenderaan seperti diluluskan dalam Borang Permohonan Pinjaman Kenderaan (Kew. 294—Pindaan 1/93) yang berkenaan.
2. Pinjaman ini adalah dikenakan bayaran perkhidmatan seperti yang ditetapkan di dalam Arahan dan Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa.
3. Peminjam dengan ini bersetuju:
 - (i) Mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1993 serta Arahan-arahan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa,
 - (ii) Tidak akan menjual atau melepaskan dengan apa-apa cara jua kenderaan yang tersebut di atas sehingga kesemua jumlah wang yang dipinjam itu serta bayaran perkhidmatan dibayar balik melainkan terlebih dahulu mendapat kebenaran dari Kerajaan;
 - (iii) Menjelaskan semua baki pinjaman sebelum menamatkan perkhidmatan dengan Kerajaan;
 - (iv) Mengambil polisi insurans komprehensif bagi selama tempoh pinjaman belum diselesaikan sepenuhnya. Polisi insurans komprehensif hendaklah meliputi semua jenis kemalangan, kecurian, kebakaran dan bahaya Pihak Ketiga (tidak terhad). Jumlah perlindungan insurans itu hendaklah tidak kurang daripada baki pinjaman yang masih ada;
 - (v) Sekiranya potongan ansuran tidak dilakukan daripada gaji bulanan Peminjam walau dengan apa sebab pun, Peminjam hendaklah bertanggungjawab untuk membayar sendiri kepada Kerajaan sehingga potongan ansuran dilakukan. Bayaran perkhidmatan 10% setahun akan dikenakan ke atas ansuran yang tidak dijelaskan;
 - (vi) Jika Peminjam menamatkan perkhidmatannya dengan Kerajaan atau ditamatkan oleh Kerajaan sebelum pinjaman dijelaskan, Peminjam hendaklah membayar sekaligus semua baki pinjaman dengan dikenakan bayaran perkhidmatan 10% setahun atas baki pinjaman. Jika peminjam tidak dapat berbuat demikian Kerajaan berhak melong kenderaan berkenaan untuk menjelaskan jumlah baki pinjaman kenderaan dengan bayaran perkhidmatan 10% serta kos yang terlibat dan jika masih tidak mencukupi baki wang Kerajaan tersebut akan dipungut melalui tindakan mahkamah;
 - (vii) Jika Peminjam meninggal dunia baki pinjaman hendaklah diselesaikan oleh si waris (tidak termasuk bayaran perkhidmatan) secara sekaligus. Jika si waris Peminjam tidak dapat berbuat demikian, Kerajaan berhak melong kenderaan berkenaan untuk menjelaskan jumlah baki pinjaman kenderaan dengan bayaran perkhidmatan 4% serta kos yang terlibat dan jika masih tidak mencukupi, baki wang Kerajaan tersebut akan dipungut daripada si waris melalui tindakan mahkamah atau daripada penjamin-penjamin berkenaan.

(viii) Jika Peminjam gagal menjelaskan pinjamannya di dalam tempoh (3) bulan sebagaimana yang dituntut di perenggan 3 (vi) dan 3 (vii), maka adalah menjadi tanggungjawab Peminjam atau waris Peminjam berkenaan untuk menyerahkan milikan kenderaan itu kepada Kerajaan. Jika gagal, Kerajaan berhak mengambil tindakan selanjutnya di bawah seksyen 11 dan 13. Akta Pengangkutan Jalan, 1987 atau peruntukan Undang-undang lain yang berkaitan.

4. Kerajaan berhak menarik balik pinjaman kenderaan pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab dan menuntut bayaran balik baki pinjaman dengan sekaligus.
5. Kerajaan berhak ke atas kenderaan yang diberi pinjaman kecuali motobot/bot/basikal di bawah Seksyen 11 (3) Akta Pengangkutan Jalan 1987.
6. Peminjam ialah orang yang akan didaftarkan sebagai membeli kenderaan.
7. Pinjaman yang diluluskan tidak boleh digunakan selain daripada maksud di para 1. Jika kenderaan digunakan untuk tujuan maksud yang lain pinjaman ini adalah terbatal dan bayaran perkhidmatan 10% setahun akan dikenakan ke atas jumlah pinjaman mulai dari tarikh kelulusan pinjaman dan dikutip secara sekaligus. Peminjam berkenaan juga boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Perintah Am Bab "D". Kerajaan berhak memotong semua baki pinjaman kenderaan yang diluluskan dengan bayaran perkhidmatan 10% setahun daripada gaji bulanan Peminjam tersebut.

DITANDATANGANI OLEH:

PEMINJAM

di hadapan

SAKSI

.....
Tandatangan

.....
Tandatangan

Nama Penuh.....

Nama Penuh.....

Nombor Kad Pengenalan.....

Nombor Kad Pengenalan.....

Jawatan.....

Jawatan.....

Alamat Penuh Tempat Kerja.....

Alamat Penuh Tempat Kerja.....

DITANDATANGANI OLEH:

KERAJAAN

di hadapan

SAKSI

(Sebagai pihak Kerajaan sebagaimana yang tersebut di atas)

.....
Tandatangan

.....
Tandatangan

Nama Penuh.....

Nama Penuh.....

Nombor Kad Pengenalan.....

Nombor Kad Pengenalan.....

Jawatan.....

Jawatan.....

Alamat Penuh Tempat Kerja.....

Alamat Penuh Tempat Kerja.....

JAMINAN

Sebagai balasan kepada Kerajaan Malaysia kerana bersetuju meminjamkan kepada.....
.....(Peminjam) wang sebanyak RM.....
(Ringgit.....)
dengan faedah mengikut syarat-syarat Perjanjian bertarikh.....yang dibuat di
antara Kerajaan Malaysia yang tersebut sebagai satu pihak dengan.....
.....(Peminjam) yang tersebut.

Kami yang bertandatangan di bawah ini, bagi diri kami, waris-waris, wasi-wasi dan penerima-penerima serahak kami, dengan ini bersama dan masing-masing menjamin bahawa jumlah wang tersebut sebanyak RM.....serta faedahnya akan dibayar balik oleh.....
(Peminjam) yang tersebut mengikut syarat-syarat perjanjian tersebut.

Sekiranya jumlah ini gagal dibayar oleh peminjam, kami bertanggungjawab dan berkewajipan membuat pembayaran bagi pihak peminjam apabila dituntut oleh Kerajaan. Kami mengakui bahawa Kerajaan berhak membuat tuntutan ke atas kami dan kami bersedia menggantirugi dan membayar balik jumlah pinjaman atau baki pinjaman yang masih belum dibayar oleh peminjam bersama dengan kadar faedah dan kos kepada Kerajaan.

PENJAMIN-PENJAMIN

PENJAMIN NO. 1

SAKSI NO. 1

.....
Tandatangan

.....
Tandatangan

Nama Penuh..... Nama Penuh.....

Nombor Kad Pengenalan..... Nombor Kad Pengenalan.....

Jawatan..... Jawatan.....

Alamat Penuh Tempat Kerja..... Alamat Penuh Tempat Kerja.....

PENJAMIN NO. 2

SAKSI NO. 2

.....
Tandatangan

.....
Tandatangan

Nama Penuh..... Nama Penuh.....

Nombor Kad Pengenalan..... Nombor Kad Pengenalan.....

Jawatan..... Jawatan.....

Alamat Penuh Tempat Kerja..... Alamat Penuh Tempat Kerja.....

**BORANG PERMOHONAN
PEMBIAYAAN KENDERAAN**

KERAJAAN MALAYSIA

**PERMOHONAN PEMBIAYAAN UNTUK MEMBELI KERETA/
MOTOSIKAL/MOTOBOT/ENJIN MOTOBOT/BOT/BASIKAL BAGI
PEGAWAI KERAJAAN**

(Diisi sebanyak 5 salinan)

BAHAGIAN I: (Diisi oleh Pemohon)

1. Nama Penuh (Huruf Besar).....
2. Nombor Kad Pengenalan.....
3. (i) Tarikh Lahir..... (ii) Umur pada Tarikh Memohon.....
4. (i) Nama Perjawatan yang Disandang.....
(ii) Gred Perjawatan.....
(iii) Taraf Pegawai (sama ada dalam percubaan/tetap/kontrak).....
.....
(iv) Sekim Perkhidmatan.....
5. (i) Kementerian.....
(ii) Jabatan.....
(iii) Alamat Penuh Tempat Bertugas.....
.....
6. (i) Tarikh Perlantikan.....
(ii) Tarikh Pengesahan dalam Perkhidmatan.....
7. (i) Gaji bulanan RM..... (ii) Elaun Memangku (jika ada).....
8. Butir-butir kenderaan yang hendak dibeli:
 - (i) Jenis Kenderaan.....
 - (ii) Jenis: Model dan buatan.....
 - (iii) Sukatan Silinder/No. Chasis/No. Enjin.....
 - (iv) *Nombor Pendaftaran..... (v) *Tarikh Pendaftaran.....

- (vi) Harga Bersih (seperti ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7/1993).....

- (vii) Baru atau sudah pakai (second-hand).....
 (jika sudah pakai kembalikan Sijil Nilai).....
9. Kelayakan pembiayaan maksimum RM.....
10. Banyak pembiayaan yang diminta(Ringgit Malaysia.....
)
11. Tempoh Pembayaran.....Bulan.
12. Tugas jawatan yang menunjukkan mengapa mustahaknya menggunakan kenderaan persendirian

13. Jika pernah diberi pinjaman/pembiayaan sebelum daripada ini, nyatakan:
- (i) Tarikh pinjaman/pembiayaan terakhir diberi.....
- (ii) Jumlah pinjaman/pembiayaan RM.....
- (iii) Nombor akaun pinjaman/pembiayaan itu.....
- (iv) Tarikh ansuran terakhir dibayar dan banyaknya.....

14. Sebab-sebab mengapa pembiayaan baru dikehendaki.....

15. Jenis kenderaan yang digunakan sekarang semasa menjalankan tugas rasmi.....

16. Butir-butir baki hutang/tuntutan lain dengan Kerajaan, jika ada, bagi pihak diri sendiri.....

Tarikh.....

.....

(Tandatangan Pemohon)

BAHAGIAN II: (Diisi oleh Penjamin bagi Pegawai dalam percubaan dan Pegawai Perkhidmatan Kontrak).

Penjamin No. 1

Penjamin No. 2

.....
(*Nama*)

.....
(*Nama*)

No. Kad Pengenalan.....

No. Kad Pengenalan.....

Tarikh Lahir.....

Tarikh Lahir.....

Kementerian.....

Kementerian.....

Jabatan.....

Jabatan.....

Alamat Penuh Tempat Kerja.....

Alamat Penuh Tempat Kerja.....

.....

.....

.....

.....

Jawatan.....

Jawatan.....

Tarikh Disahkan dalam jawatan.....

Tarikh Disahkan dalam jawatan.....

.....

.....

Gaji Bersih Bulanan.....

Gaji Bersih Bulanan.....

Butir-butir bagi hutang/tuntutan kepada Kerajaan
jika ada bagi pihak diri sendiri

Butir-butir bagi hutang/tuntutan kepada Kerajaan
jika ada bagi pihak diri sendiri

.....

.....

.....

.....

.....
(*Tarikh*)

.....
(*Tandatangan*)

.....
(*Tarikh*)

.....
(*Tandatangan*)

Peringatan: Hanya pegawai-pegawai Kerajaan yang telah disahkan di dalam jawatan sahaja yang layak menjadi penjamin.

BAHAGIAN III: (Diisi oleh Ketua Jabatan semasa mengemukakan permohonan).

Kepada..... Rujukan.....
.....

Dikemukakan:

Disahkan bahawa butir-butir yang diberikan oleh pemohon telah diselidiki dan didapati benar.

- *(i) Saya berpuashati bahawa pembayaran balik pembiayaan ini tidak akan menyebabkan kesusahan kewangan kepada pemohon.
- *(ii) Saya menyokong penuh bahawa sebuah kereta/motosikal/motobot/enjin motobot/bot/basikal adalah sangat perlu untuk pegawai ini menjalankan tugas-tugasnya setiap hari dengan sempurna.
- *(iii) Saya tidak berpuashati terhadap kedudukan kewangan pemohon di mana pembayaran balik pembiayaan akan menyebabkan kesusahan kewangan kepada pemohon.
- *(iv) Saya berpendapat pemohon tidak perlu kereta/motosikal/motobot/enjin motobot/bot/basikal untuk tugas rasmi dan sebaliknya mengesyorkan sebuah kereta/motosikal/motobot/enjin motobot/bot/basikal.

Tarikh.....
.....
(Tandatangan Ketua Jabatan)

Nama Penuh.....

Jawatan.....

BAHAGIAN IV: (Diisi oleh Pegawai semasa pembiayaan diluluskan).

Kepada..... Rujukan.....
.....
.....

(a) *Pembiayaan sebanyak RM.....diluluskan dengan bayaran balik
sebanyak.....selama.....
bulan.....seperti surat bil.....
bertarikh.....Kelulusan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang
ditetapkan di dalam Arahan dan Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa dari masa
ke semasa.

(b) *Pembiayaan tidak diluluskan.

Tarikh.....
.....
(Tandatangan Pegawai Yang Meluluskan)

Nama Penuh.....

Jawatan.....

**BORANG PERJANJIAN AL-BAI'
BITHAMAN 'AJIL UNTUK
SKIM PEMBIAYAAN
KENDERAAN**

PERJANJIAN AL-BAI' BITHAMAN 'AJIL UNTUK SKIM PEMBIAYAAN KENDERAAN KAKITANGAN KERAJAAN

PERJANJIAN INI DIPERBUAT pada hari..... 19..... di antara KERAJAAN MALAYSIA (kemudian daripada ini disebut "Kerajaan") sebagai pihak pertama

DAN

(K/P No:) yang beralamat di

(kemudian daripada ini disebut 'pembeli') dan

.....(K/P No:)

yang beralamat di

dan..... (K/P No:.....)

yang beralamat di

(kemudian daripada ini disebut 'penjamin') sebagai pihak kedua.

BAHAWASANYA pembeli telah memohon untuk membeli kenderaan di bawah Skim Pembiayaan Kenderaan Mengikut Prinsip Al Bai' Bithaman 'Ajil sebagaimana diperuntukkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1993 (kemudian daripada ini disebut 'skim tersebut') dan Kerajaan telah meluluskan permohonan oleh pembeli tertakluk kepada syarat-syarat perjanjian yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIPERSAKSIKAN seperti berikut:

